



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

INTEGRASI NASIONAL BERTERASKAN KONTRAK SOSIAL DALAM KARYA SENI VISUAL



05-4506832



pustaka

MOHD FARIZAL BIN PUADI



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

INTEGRASI NASIONAL BERTERASKAN KONTRAK SOSIAL DALAM KARYA SENI VISUAL

MOHD FARIZAL PUADI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH


PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 13 (hari bulan) 12 (bulan) 2022

i. Perakuan pelajar :

Saya, Mohd Farizal bin Puadi / P20181001505 FSKIK (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Integrasi Nasional Berteraskan Kontrak Sosial dalam Karya Seni Visual.

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya



Tandatangan pelajar


ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Mohd Zahuri bin Khairani (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Integrasi Nasional Berteraskan Kontrak Sosial dalam Karya Seni Visual.

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (Studio Seni Halus) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

7 Oktober 2022

Tarikh



Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: Integrasi Nasional Berteraskan Kontrak Sosial dalam
Karya Seni Visual.

No. Matrik / Matric's No.: P20181001505

Saya / I : Mohd Farizal bin Puadi

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Prof. Madya Dr. Mohd Zahuri bin Khairani

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 7 Oktober 2022

PENGHARGAAN

Syukur kehadiran Allah SWT kerana rahmat dan kasih sayangNYA, tesis ini dapat disiapkan dalam tempoh yang diberikan. Jutaan terima kasih diucapkan kepada Professor Madya Dr. Mohd Zahuri bin Khairani dan Ts. Dr. Ahmad Nizam bin Othman selaku penyelia yang banyak membantu dalam menyiapkan penyelidikan ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada Profesor Dr. Mohd Fauzi bin Sedon @ M. Dom selaku penilai dalaman yang banyak membantu merealisasikan tesis ini. Juga kepada rakan-rakan dari Jabatan Multimedia Kreatif, Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif (FSKIK) dan rakan-rakan sepengajian yang memberikan semangat dan nasihat sehingga penyelidikan ini dapat disiapkan. Terima kasih juga diucapkan kepada ibu dan adik beradik yang sentiasa memberikan sokongan dan harapan yang tidak jemu-jemu. Kepada isteri dan anak-anak, terima kasih banyak-banyak kerana memahami dan sentiasa memberikan sokongan sepanjang menyiapkan penyelidikan ini. Akhir sekali terima kasih kepada semua yang terlibat dan membantu samada secara langsung atau tidak dalam menyiapkan penyelidikan ini.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis elemen-elemen integrasi nasional dalam kontrak sosial yang berlaku dalam kalangan kumpulan kaum yang ada di Malaysia. Kajian ini menginterpretasikan fenomena kumpulan-kumpulan kaum yang direkodkan di dalam bentuk karya seni visual berkenaan hubungan integrasi nasional menerusi elemen sejarah hubungan kaum, era konflik, era stabil tapi tegang dan era kesepaduan sosial hubungan kaum. Artis rujukan yang terlibat dalam kajian ini adalah Mohd Redza bin Piyadasa, Ibrahim bin Hussein, Lee Kian Seng, Noor Azizan Rahman bin Paiman, Symran Gill, Sulaiman bin Esa, Zulkifli bin Yusoff, Jasper John, Robert Rauschenberg, Maya Ying Lin dan Felix W. Weldon. Penerokaan idea dalam aspek yang terdapat di dalam karya-karya pelukis yang dirujuk melibatkan peristiwa dan isu, identiti, piagam perlembagaan dan kenegaraan, serta memorial dan peristiwa sejarah. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan studio seni halus menerusi pendekatan Refleksi Kritikal Kendiri, Eksperimentasi Studio dan Ulasan Kontekstual. Teori Integrasi Nasional dalam perhubungan kaum digunakan sebagai panduan kontekstual yang menjadi asas bagi penghasilan kajian ini. Penyelidikan ini memberikan sumbangan dalam bidang seni halus dengan memberikan penambahan koleksi seni visual dan perkaitan isu-isu perhubungan kaum dalam konteks perpaduan negara dalam realiti semasa. Penyelidikan ini juga memberikan impak dalam pemahaman berkenaan isu-isu integrasi nasional yang merentasi kumpulan kaum yang sentiasa berlaku dan berubah. Penyelidikan ini juga memberikan gambaran konteks dan trend semasa berkenaan integrasi nasional sebagai rujukan. Selain itu, penyelidikan ini turut memberikan suatu cadangan persepsi baharu dan simbol berkenaan perpaduan dan penyatuan kaum secara khususnya.

NATIONAL INTEGRATION BASED ON SOCIAL CONTRACTS IN VISUAL ART WORKS

ABSTRACT

This study aims to analyse the elements of national integration in the social contract that occurs between the racial groups in Malaysia. This study interprets the phenomenon of racial groups recorded in the form of visual art works with regard to the national integration relations through the historical elements of race relations, the era of conflict, the era of stability but tense, and the era of social cohesion of race relations. Reference artists involved in this study Mohd Redza bin Piyadasa, Ibrahim bin Hussein, Lee Kian Seng, Noor Azizan Rahman bin Paiman, Symran Gill, Sulaiman bin Esa, Zulkifli bin Yusoff, Jasper John, Robert Rauschenberg, Maya Ying Lin and Felix W. Weldon. The exploration of ideas on the aspects found in the works of the artists referred to involves events and issues, identity, constitutional and national charters, as well as memorials and historical events. This study uses fine art studio research methods through the approaches of Self-Critical Reflection, Studio Experimentation, and Contextual Review. The Theory of National Integration in race relations is used as a contextual guide that forms the basis for the production of this study. The research contributes in the field of fine arts by providing an addition to the collection of visual arts and the relevance of race relations issues in the context of national unity in the current realities. This research also has an impact on understanding the national integration issues across ever-occurring and changing racial groups. This research also provides an overview of the current context and trends of national integration as a reference. In addition, this research provides a suggestion of new perceptions and symbols of racial unity and unification in particular.



ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI RAJAH	x
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.1.1 Sejarah Hubungan Kaum	4
1.1.2 Integrasi Kaum	10
1.1.3 Kontrak Sosial	18
1.2 Pernyataan Isu	21
1.3 Objektif Kajian	25
1.4 Persoalan Kajian	25
1.5 Garis Panduan Projek	26
1.6 Skop Kajian	28
1.7 Signifikan Kajian	29
1.8 Kerangka Konseptual Kajian	31
1.9 Karya-karya Terdahulu	33
1.10 Perkembangan Projek kajian	41





BAB 2 KONTEKS (TINJAUAN LITERATUR)

2.1	Teori	45
2.1.1	Pengenalan	45
2.1.2	Konsep Patriotik	46
2.1.2.1	Semangat Patriotik	51
2.1.2.2	Memupuk Patriotik	55
2.1.3	<i>Constitutional patriotism</i> (patriotik berperlembagaan)	62
2.1.3.1	Amalan Constitutional Patriotism di Malaysia	66
2.2	Artis Rujukan	69
2.2.1	Pengenalan	70
2.2.2	Peristiwa dan Isu Oleh Mohd Redza bin Piyadasa, Ibrahim bin Hussein dan Lee Kian Seng	70
2.2.3	Identiti Oleh Noor Azizan Rahman bin Paiman, Symran Gill dan Sulaiman bin Esa	81
2.2.4	Piagam Perlembagaan dan Kenegaraan Oleh Zulkifli bin Yusoff, Jasper John dan Robert Rauschenberg	93
2.2.5	Memorial dan Peristiwa Sejarah Oleh Maya Ying Lin dan Felix W. Weldon	107

BAB 3 KAJIAN STUDIO (METODOLOGI DAN ANALISIS)

3.1	Pengenalan	115
3.2	Metodologi	116
3.2.1	Refleksi Kritikal Kendiri (Self Critical Reflection)	116
3.2.1.1	Feldman E. B. (1994) “Kaedah Kritikan Seni”	117



(Method of Art Criticism)

3.2.2	Eksperimentasi Studio	119
3.2.3	Ulasan Kontekstual	121
3.3	Penyelidikan Studio dan Analisis	122
3.3.1	Fasa 1 : Pengenalan/Sejarah-Kemasukan Kumpulan Kaum Lain	124
3.3.1.1	Karya 1 : Pecah dan Perintah	127
3.3.2	Fasa 2 : Isu-isu yang Merentasi Kaum/Ketegangan Kaum	139
3.3.2.1	Karya 1 : KaU...rASA 1	143
3.3.2.2	Karya 2 : KaU...rASA 2	147
3.3.2.3	Karya 3 : <i>It's All about Malaysia</i>	151
3.3.2.4	Karya 4 : First Aid Box	157
3.3.3	Fasa 3 : Kesepaduan Sosial / Intipati	160
3.3.3.1	Karya 1 : Tiang Seri	166

BAB 4 KESIMPULAN	176
-------------------------	-----

RUJUKAN	182
----------------	-----

LAMPIRAN	206
-----------------	-----

**SENARAI RAJAH**

No. Rajah		Muka Surat
1.1.1	Contoh sambutan kemerdekaan sebagai lambang kestabilan dan keharmonian kaum di Malaysia	2
1.1.2	Tugu Kapten Francis Light yang didirikan sebagai lambang pengasas Pulau Pinang dan bermulanya era penjajahan British di Tanah Melayu.	8
1.1.3	Buruh yang dibawa masuk dari negara China oleh penjajah British ke Tanah Melayu untuk menjadi pelombong.	9
1.1.4	Penjajah British membawa masuk beribu-ribu buruh kontrak dari India untuk bekerja di Tanah Melayu dan ditempatkan diladang getah.	10
1.1.2.1	Integrasi nasional sebagai lambang perpaduan di Malaysia.	11
1.1.3.1	Kontrak sosial adalah persetujuan yang dicapai oleh pemimpin politik iaitu UMNO, MCA dan MIC yang terdiri dari kaum Melayu, Cina dan India.	20
1.8.1	Kerangka konseptual kajian.	32
1.9.1	Mohd Farizal Puadi. 'Hadiah Untukmu...', 2009. Bahantara kaca, seramik, riben dan getah anti licin. Saiz 30cm x 30cm x 61cm. Koleksi pelukis.	34
1.9.2	Mohd Farizal Puadi. 'Don't Touch', 2010. Bahantara kaca, kerusi, fabrik dan kayu. Saiz 152.5 cm x 152.5 cm x 172 cm. Koleksi pelukis.	35
1.9.3	Mohd Farizal Puadi. Perkara 11 (1), 2012. Bahantara kaca dan kayu. Saiz 43.1cm x 30.4 cm x 30.4cm. Koleksi pelukis.	37
1.9.4	Mohd Farizal Puadi. Kabinet Meja Solek, 2013. Bahantara kayu, kaca dan meja solek. Saiz 12' x 1' x 8' (366cm x 30cm x 244cm). Koleksi pelukis.	38
1.9.5	Mohd Farizal Puadi. 'Ultra-Man', 2016. Bahantara kaca, fabrik dan kayu. Saiz 274.5 cm x 91.5 cm. Koleksi pelukis.	40
2.1.2.3.1	Pembinaan kerangka konsep patriotik mengikut konteks negara Malaysia (ubahsuai dari Hussain et al., 2017).	61





2.2.2.1	Mohd Redza bin Piyadasa. 'May13, 1969', 1970. Saiz 183cm x 123 cm x 123 cm. Bahan akrilik atas kayu dan cermin.	71
2.2.2.2	Mohd Redza bin Piyadasa. 'May13, 1969', 1970. Saiz 183cm x 123 cm x 123 cm. Bahan akrilik atas kayu dan cermin.	74
2.2.2.3	Ibrahim bin Hussein. 'May 13', 1969. Saiz 183cm x 183 cm. Bahan akrilik atas kanvas.	75
2.2.2.4	Lee Kian Seng. 'Unity', 1969-1970. Saiz 400 cm x 120 cm x 120 cm (kiri) dan 45 cm x 65 cm (kanan). Bahan konkrit bertetulang, kaca, keluli, cermin, pemegang kunci dan lampu (dinyalakan dari dalam).	78
2.2.2.5	Bahagian kedua yang dibina selepas peristiwa 13 Mei. Tiga cermin-cermin sains, seni dan kemanusiaan masing-masing. Gambaran karya 'Unity' pada waktu malam.	79
2.2.2.6	Gambaran karya 'Unity' pada waktu malam.	80
2.2.3.1	Noor Azizan Rahman bin Paiman. 'Social Contract', 2009. Saiz 29cm x 7cm x 34 cm. Bahan 'metal welding'	83
2.2.3.2	Symran Gill. 'Small Town at The Turn of The Century', 1999-2000 (40 photographs). Saiz 101.5cm x 102cm (setiap satu). Bahan 'c-print on paper'.	86
2.2.3.3	Sulaiman bin Esa. 'One God Many Paths', 2018. Saiz 155cm x 225cm. Bahan media campuran.	90
2.2.4.1	Zulkifli bin Yusoff. Rukunegara 1: 'Belief in God', 2013. Saiz pelbagai. Bahan 'paint, varnish and screen-print on fibreglass, 6 pieces.	95
2.2.4.2	Zulkifli bin Yusoff. Rukunegara 1: 'Belief in God', 2013. Saiz pelbagai. Bahan 'paint, varnish and screen-print on fibreglass, 6 pieces. Gambar terperinci.	96
2.2.4.3	Zulkifli bin Yusoff. Rukunegara 2: 'Voice 1', 2013. Saiz 122cm x 183cm. Bahan 'mixed media, screenprint and acrylic on canvas'.	97
2.2.4.4	Zulkifli bin Yusoff. Rukunegara 2: 'Voice 3', 2013. Saiz 122cm x 183cm. Bahan 'mixed media, screenprint and acrylic on canvas'.	99
2.2.4.5	Jasper John. 'Flag', 1954-55. Saiz 107.3 cm x 153.8 cm. Bahan 'encaustic, oil, and collage on fabric mounted on	101





plywood, three panels’.

2.2.4.6	Jasper John. ‘Flag’, 1954-55 (gambar terperinci).	103
2.2.4.7	Robert Rauschenberg. Yang Teragung / ‘Malaysian King’, 1990. Saiz 244 cm x 488 cm. Bahan akrilik dan fabrik atas kayu atas besi galvanis.	104
2.2.5.1	Maya Yin Ling. ‘Vietnam Veteran Memorial’, U.S.A., 1982. Saiz 75.21-meter panjang. Bahan ‘black granite and wall engraved’.	108
2.2.5.2	Felix Weihs de Weldon. Tugu Peringatan Negara, 1966. Saiz 10m x 10m x 15m panjang. Bahan gangsa.	111
3.3.1	Fasa-fasa hubungan integrasi antara kaum di Malaysia.	122
3.3.1.1	Kaum Melayu ditempatkan di sektor perladangan.	124
3.3.1.2	Kaum India yang bekerja sebagai pekebun dan ditempatkan di ladang- ladang getah.	125
3.3.1.3	Kaum Cina ditempatkan di sektor perlombongan.	126
3.3.1.1.1	Contoh gambar kerja-kerja pembinaan yang menggunakan struktur kayu dalam projek pembinaan.	128
3.3.1.1.2	Lakaran idea satu dan dua proses perkembangan idea yang bertemakan kerja-kerja pembinaan.	129
3.3.1.1.3	Lakaran idea tiga dan empat proses perkembangan idea serta pengiraan penggunaan bahantara, saiz dan kuantiti.	130
3.3.1.1.4	Pembinaan model sebagai rujukan sebelum pembinaan karya instalasi sebenar.	131
3.3.1.1.5	Lakaran ruang Kapallorek Art Space.	131
3.3.1.1.6	Susunan karya instalasi bertempat di Kapallorek Art Space bermula pada 10 Ogos hingga 31 Ogos 2020.	132
3.3.1.1.7	‘Isolation Room’ 1 (Tanah Melayu).	133
3.3.1.1.8	‘Isolation Room’ 2 (Buruh 1).	134
3.3.1.1.9	Perincian <i>Certificate of Registration</i> dalam karya ‘Isolation Room’ 2.	135
3.3.1.1.10	‘Isolation Room’ 3 (Buruh 2).	136





3.3.1.1.11	Perincian <i>certification of naturalisation</i> dalam ‘Isolation Room’ 3.	137
3.3.2.1	Penjajahan British di Tanah Melayu antara punca berlakunya ketegangan kaum sehinggalah sekarang.	140
3.3.2.2	Peristiwa berdarah 13 Mei 1969 yang melibatkan rusuhan kaum di Malaysia.	141
3.3.2.1.1	Kerusi sebagai simbol kuasa.	143
3.3.2.1.2	Lakaran cadangan komposisi karya.	145
3.3.2.1.3	Karya KaU...rASA 1.	146
3.3.2.2.1	KaU...rASA 2.	147
3.3.2.2.2	Alas kaki (pedestal) di bahagian bawah karya.	149
3.3.2.2.3	Format persembahan karya KaU...rASA 1 dan KaU...rASA 2.	150
3.3.2.3.1	Proses lakaran idea, susunan dan bentuk persembahan.	151
3.3.2.3.2	Tiga bentuk kotak yang berbeza disusun menengak.	153
3.3.2.3.3	Penghasilan bangku kecil sebagai tempat untuk pengunjung memijak untuk melihat ruang di bahagian satu di kedudukan paling atas sekali.	154
3.3.2.3.4	Visual yang terdapat di dalam karya <i>It's All about Malaysian</i> .	154
3.3.2.3.5	karya <i>It's All about Malaysia</i> .	155
3.3.2.4.1	Contoh peti kecemasan.	157
3.3.2.4.2	Lakaran proses dan perkembangan idea.	158
3.3.2.4.3	Kaset KBSR sebagai alat pengajaran yang terdapat dalam karya.	159
3.3.2.4.4	Karya ‘First Aid Box’, 2021.	160
3.3.3.1	Kesepaduan sosial adalah teras kepada hubungan integrasi nasional di Malaysia.	162
3.3.3.2	Kepingan-kepingan papan lama dari rumah orang Melayu.	164
3.3.3.1.1	Lakaran cadangan karya akhir.	166
3.3.3.1.2	Model dan kajian struktur karya arca Tiang Seri.	167



3.3.3.1.3	Model cadangan peringkat awal.	168
3.3.3.1.4	Beberapa contoh motif Pucuk Rebung.	169
3.3.3.1.5	Motif naga yang terdapat di Tokong Cheng Hoon.	169
3.3.3.1.6	Motif Makara dalam mitologi Hindu dalam seni ukiran dan catan.	171
3.3.3.1.7	Motif seni yang mewakili kaum Melayu, Cina dan India.	171
3.3.3.1.8	Ukiran motif seni pada puncak karya Tiang Seri yang mewakili kaum Melayu, Cina dan India.	172
3.3.3.1.9	Karya arca instalasi Tiang Seri, 2021.	173



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Kajian ini adalah untuk menyelidik isu integrasi nasional yang berlaku di dalam negara Malaysia yang terdiri dari pelbagai kaum. Integrasi nasional merupakan intipati terpenting yang terdapat dalam kontrak sosial dan termaktub di dalam perlembangan Malaysia. Integrasi nasional juga merupakan agenda terbesar kerajaan dalam usaha untuk mengekalkan kestabilan keharmonian negara kerana Malaysia sebuah negara yang terdiri dari pelbagai kaum yang ada.

Dari sudut geografi, Malaysia merupakan sebuah negara yang terbahagi kepada dua iaitu Semenanjung Malaysia dan Kepulauan Borneo (Sabah dan Sarawak). Semenanjung Malaysia yang dikenali sebagai Tanah Melayu atau Malaysia Barat terdiri dari kumpulan kaum Melayu dan Orang Asli. Kedua-dua kumpulan ini terbahagi kepada tiga suku besar iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Proto. Mereka ini merupakan penduduk asal bagi Semenanjung Malaysia. Manakala Malaysia Timur atau Malaysia



Borneo (Sabah dan Serawak) pula terletak di kepulauan Borneo yang terdiri dari kaum terbesarnya iaitu dari Kadazan-Dusun yang merangkumi 33 kumpulan peribumi.

Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (JPM) pada tahun 2018 bilangan rakyat Malaysia dianggarkan berjumlah seramai 32.4 juta orang. Daripada 32.4 juta penduduk Malaysia ini, kaum Bumiputera mencatatkan peratusan yang tinggi iaitu sebanyak 69.1% berbanding kaum Cina (23%) dan kaum India (6.9%) dan lain-lain kaum (1%).

Kajian yang bertemakan integrasi kaum yang ada di Malaysia menjadi fokus kerana isu-isu perkauman memang sejak dari dulu lagi sentiasa menjadi isu yang sensitif antara kaum yang terdapat dalam negara Malaysia. Sentimen perkauman di Malaysia kelihatan masih lagi kuat dan tidak banyak berubah selepas mengharungi beberapa fasa integrasi antara kaum (Shamsul Amri baharuddin, 2012). Keadaan ini sangat membimbangkan kerana hasil kajian menunjukkan sentiment perkauman masih kuat dan mencengkam kumpulan kaum dalam masyarakat yang pelbagai kaum (Mohd Ridhuan Tee, 2015).



Rajah 1.1.1. Contoh sambutan kemerdekaan sebagai lambang kestabilan dan keharmonian kaum di Malaysia.

Kajian ini dijalankan hanya di sekitar semenanjung Malaysia yang terdiri dari tiga kumpulan kaum terbesar iaitu Melayu, Cina dan India. Kajian ini dijalankan dengan mengenal pasti beberapa isu-isu semasa berteraskan fasa-fasa perhubungan kaum yang muncul dan seterusnya diterjemahkan melalui pembinaan karya seni. Selain itu kajian ini juga bertujuan dalam melihat implikasi ke atas pembangunan seni visual negara kerana penghasilan sesuatu karya seni juga merupakan refleksi seniman ke atas perubahan sosial yang berlaku.

Tambahan lagi, karya seni yang dihasilkan ini adalah dari pengkajian yang berteraskan kepada fakta dan data-data yang diperolehi sepanjang kajian ini dilaksanakan. Karya yang terhasil itu juga nanti dapat memberi sumbangan khususnya dalam konteks seni visual Malaysia dan kepada generasi pengkaji selepas ini.

Selain itu karya seni ini juga merupakan produk budaya yang merupakan inspirasi dan refleksi seniman terhadap persekitaran yang berlaku. Karya seni adalah merupakan medium perantaraan antara seniman dengan masyarakat seperti yang dinyatakan oleh Lazarri dan Schleseir (2008) iaitu, seni menggunakan medium asas iaitu meluahkan idea-idea mengenai pengalaman manusia dan dunia disekitar kita.

Oleh itu kajian ini akan melihat tiga situasi dalam proses integrasi nasional yang berlaku di kalangan masyarakat Malaysia iaitu:

- i) Sejarah hubungan kaum.
- ii) Integrasi kaum.
- iii) Kontrak sosial



1.1.1 Sejarah Hubungan Kaum

Jika ditelusuri sejarah sebelum era kemerdekaan Malaysia, kemasukan kaum bukan bumiputera (Cina dan India) ke Tanah Melayu adalah melalui kerajaan British yang memerintah ketika itu. Menurut Chandra (1994), Penjajahan dan penguasaan kerajaan British ke atas Tanah Melayu menyebabkan berlakunya penghijrahan dan kemajmukan masyarakat bukan bumiputera di Tanah Melayu.

Kaum Melayu merupakan peribumi Tanah Melayu yang telah lama mendiami sejak 2500 tahun sebelum masehi. Orang Melayu juga dikenali sebagai Bumiputera yang merupakan penduduk terbesar di semenanjung Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Kaum Melayu bertanggungjawab menubuhkan kerajaan-kerajaan Melayu Islam sejak dari zaman Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15 di seluruh Semenanjung Tanah Melayu lagi (Solahuddin Abdul Hamid et, al., 2019). Kaum Melayu merupakan kumpulan kaum yang pertama yang menegakkan pemerintahan dan kerajaan-kerajaan di Semenanjung Tanah Melayu. Disebabkan perkara ini, kaum Melayu dianggap sebagai kaum utama yang merupakan tulang masyarakat plural atau majmuk yang ada di Malaysia (Ismail Ishak et, al., 2008).

Pun begitu, sejarah kemasukan kaum lain ke Tanah Melayu sebenarnya telah pun berlaku sebelum penjajahan British lagi. Menurut Solahuddin Abdul Hamid et, al. (2019), kemasukan mereka ke Tanah Melayu adalah melalui proses hubungan perdagangan. Kedatangan kaum lain ini tidak melahirkan masyarakat majmuk kerana mereka telah berasimilasi ke dalam masyarakat Melayu ketika itu seperti masyarakat Baba dan Nyonya.





Menurut Ismail Ishak et, al. (2008) lagi, kemajmukkan masyarakat di Semenanjung Tanah Melayu bermula selepas pihak penjajah iaitu British mengenalkan dasar 'Pecah dan Perintah'. Masyarakat majmuk secara besar-besaran berlaku selepas memasukkan kaum Cina dan India selepas campur tangan British untuk memajukan sektor ekonomi perlombongan bijih timah dan ladang getah pada tahun 1848. Kemasukkan mereka menyebabkan berlakunya masyarakat majmuk dan setiap kaum telah mengamalkan dan mengekalkan identiti kebudayaan dan adat resam masing-masing. Pengenalan dasar pecah dan perintah ini secara tidak langsung telah mewujudkan pemisahan antara kaum. Sejak amalan pecah dan perintah ini yang dilaksanakan pada tahun 1920-an, corak pemisahan penempatan telah dikesan yang mewujudkan perbezaan dengan penduduk tempatan (orang Melayu). Orang Melayu tinggal di luar bandar manakala orang Cina yang majoriti adalah pelombong bijih dan juga peniaga tinggal di lombong atau di bandar. Manakala kaum India pula menetap di estet dengan menjalankan aktiviti perladangan.

Dasar ini juga menyebabkan interaksi antara kumpulan kaum hanya berlaku di pasar dan di pejabat sahaja dan hubungan interaksi ini sangat terhad. Sekaligus menyebabkan kumpulan kaum ini kurang memahami budaya dan adat resam kaum lain dan mewujudkan perasaan kekitaan dan etnosentrisme serta menimbulkan prasangka dan pandangan stereotaip kepada kaum lain. Pada masa sekarang pemisahan antara kaum berlaku dalam bidang pekerjaan tertentu seperti bidang ketenteraan, perniagaan dan perindustrian yang dimonopoli oleh sesuatu kaum sahaja yang menyebabkan proses interaksi ini jarang berlaku dan melambatkan proses integrasi (Ismail Yusoff et, al., 2012).





Sementara itu, menurut Syed Husin Ali (2015), penjajahan British telah membawa perubahan kepada struktur penduduk, sistem ekonomi, politik serta sosial. komposisi penduduk telah berubah akibat dari dasar British yang menggalakkan kedatangan imigran terutamanya dari negara India, China dan Indonesia. Akibatnya, Malaysia telah menjadi sebuah negara yang terdiri daripada masyarakat yang majmuk dan terdiri daripada pelbagai kumpulan kaum dengan budaya, agama dan bahasa kumpulan kaum masing-masing.

Dari segi ekonomi, British telah memperkenalkan dan mengembangkan aktiviti ekonomi baru terutamanya di sektor perladangan getah dan perlombongan bijih timah. Sebilangan besar orang Melayu menjalankan penanaman padi tradisional di kawasan luar bandar. Walaupun begitu ada dari mereka mengerjakan kebun kecil getah. Ladang getah yang berskala besar dibuka dan dimiliki oleh syarikat-syarikat British dan kebanyakannya ditoreh dan diusahakan oleh buruh India. Bagi perlombongan bijih timah pula, menjadi lebih luas dan menggunakan jentera kapal korek yang mana pekerja utamanya adalah terdiri daripada imigran atau buruh Cina.

Buruh Cina ini kemudiannya telah menjadi peniaga kecil dan ahli perniagaan serta memiliki pekerjaan seperti akauntan, doctor dan peguam. Pun begitu, ramai juga orang India juga bekerja sebagai peguam dan doktor terutamanya dari Ceylon.

Dalam bidang politik, pihak British telah menurunkan kuasa Sultan kepada simbol kuasa sahaja. Bidang kuasa hanya terhad kepada perkara yang berkaitan dengan Islam dan adat istiadat Melayu. Kuasa sebenar dalam politik adalah terletak pada tangan gabenor British, residen dan penasihat serta pegawai di peringkat birokrasi pentadbiran





yang semakin berkembang. Sebilangan orang Melayu dilantik ke tahap yang paling rendah dalam perkhidmatan kerajaan seperti unit beruniform contohnya polis dan kastam serta dalam perkhidmatan bukan beruniform seperti pekerja biasa dan kakitangan pejabat. Manakala pekerja dari India ramai yang bekerja sebagai buruh di Jabatan Kerja Raya dan pegawai rendah di Keretapi Tanah Melayu. Tidak ramai dari kaum cina menyertai atau berminat dalam perkhidmatan berkaitan kerajaan pada peringkat bawahan.

Ternyata pengwujudan pembahagian tenaga kerja yang mengikut garis pengkhususan pekerjaan dikalangan pelbagai kumpulan kaum yang ada pada masa itu. Proses pembahagian ekonomi dan pentadbiran-politik ini telah menekankan lagi pengasingan sosial dan jarak antara kumpulan kaum.



“Ringkasnya istilah Tanah Melayu, Malaysia dan Malaya adalah jelas merujuk pada negeri-negeri Melayu atau Tanah Melayu atau *Land of the Malays*. Fakta ini menunjukkan bahawa Tanah Melayu (Malaysia) adalah kepunyaan satu bangsa yang bernama Melayu. Namun, kedatangan penjajah British telah merubah peta politik Tanah Melayu”

(Mohd Ridhuan Tee Abdullah, 2010)





Rajah 1.1.2. Tugu Kapten Francis Light yang didirikan sebagai lambang pengasas Pulau Pinang dan bermulanya era penjajahan British di Tanah Melayu.



Tanah Melayu ketika itu hanya terdiri dari kaum Melayu dan Peribumi (orang asli). Melalui campur tangan British, kaum Melayu dan Peribumi terpaksa menerima kemasukkan kaum lain (Cina dan India). Kemasukkan kaum ini adalah perancangan British kerana kekurangan tenaga pekerja untuk mengaut hasil kekayaan Tanah Melayu ketika itu. Masyarakat India telah ditempatkan di ladang-ladang dan kebanyakannya bekerja sebagai penoreh getah. Manakala masyarakat Cina ditempatkan di lombong-lombong untuk bekerja sebagai pelombong bijih timah. Sedangkan masyarakat Melayu pula tinggal di kampung-kampung dan bekerja sebagai petani (Mohd Roslan Mohd Nor, et al., 2011).





Rajah 1.1.3. Buruh yang dibawa masuk dari negara China oleh penjajah British ke Tanah Melayu untuk menjadi pelombong.

Kesan perancangan yang dilakukan oleh British dengan membawa masuk kaum lain ke Tanah Melayu telah mendatangkan beberapa justifikasi. Antaranya wujudnya kepelbagaian kaum dan pembahagian kelas ekonomi. Menurut Cham (1975) Inggeris melaksanakan polisi pecah dan perintah (divide and rule) terhadap masyarakat majmuk di Tanah Melayu. Di antaranya, spesialisasi (pengkhususan) pekerjaan, segregasi (pengasingan) tempat tinggal, pemisahan proses sosialisasi dan mobiliti, dan isolasi (pemencilan) budaya.

Dari beberapa aspek, tindakan yang dilakukan oleh British ini mendatangkan dua kesan, iaitu bersifat positif atau negatif. Kesan positif adalah keuntungan ekonomi yang diperolehi oleh pihak British sebagai penjajah. Manakala kesan negatif, adalah ke atas negara dan penduduk yang dijajah.



Rajah 1.1.4. Penjajah British membawa masuk beribu-ribu buruh kontrak dari India untuk bekerja di Tanah Melayu dan ditempatkan diladang getah.

Setiap kaum mempunyai agama, budaya dan adat yang berbeza. Keterpaksaan kaum Melayu dan Peribumi untuk menerima dan mengiktiraf kaum bukan bumiputera sebagai ‘penduduk’ memerlukan pengorbanan yang tinggi dari kaum Melayu dan Peribumi.

1.1.2 Integrasi Kaum

Integrasi adalah elemen yang sangat diperlukan dalam memastikan keharmonian di kalangan rakyat pelbagai kaum di Malaysia. Integrasi merujuk kepada kesepaduan yang dicapai dikalangan masyarakat yang pelbagai kaum. Masyarakat yang pelbagai kaum merupakan suatu keunikan dan aset penting dalam membangunkan sebuah negara. Ini kerana tanpa hubungan yang baik antara kaum akan mewujudkan lagi ketegangan dan konflik kaum seperti yang pernah terjadi di negara Malaysia sebelum ini.

Untuk mewujudkan integrasi dalam kaum di Malaysia, beberapa elemen perlu dilakukan sebelum integrasi kaum boleh berlaku. Elemen tersebut adalah akomodasi, akulturasi sehingga asimilasi (Shamsul Amri Baharuddin, 2012).

Integrasi perlu difahami bagi setiap masyarakat di Malaysia sebagai langkah untuk memupuk keharmonian dan kesejahteraan hidup rakyat. Ini kerana tanpa elemen integrasi, kesepaduan sukar dicari kerana logiknya setiap kaum mempunyai perbezaan antara satu sama lain. Memetik pandangan Shamsul Amri Baharuddin (2012), yang mengatakan konteks integrasi Malaysia adalah untuk mewujudkan satu identiti nasional masyarakat Malaysia terpisah antara satu sama lain dalam banyak segi seperti budaya, agama, sosial dan kawasan penempatan.



Rajah 1.1.2.1. Integrasi nasional sebagai lambang perpaduan di Malaysia.

Untuk merealisasikan agenda integrasi ini bukanlah sesuatu yang mudah dan bukan dalam masa yang singkat. Beberapa program integrasi perlu diwujudkan untuk mengurangkan konflik antara kaum dan seterusnya untuk mewujudkan kesefahaman antara kaum. Tahap-tahap ini perlu dilihat dari proses awal segregasi (hubungan terpisah) sehinggalah ke proses amalgamasi iaitu hubungan berbentuk sehati (Chew,



1987). Pendapat ini adalah selari juga dengan pendapat oleh Ting (1981), yang mengatakan bahawa integrasi merupakan suatu proses yang kompleks. Tahap perhubungan kaum boleh dilihat dari segi darjah kedekatan bermula daripada hubungan terpisah iaitu segregasi sehingga hubungan yang berbentuk sehati iaitu amalgamasi.

Proses integrasi merupakan suatu slogan, moto dan cogan kata yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah bertujuan untuk mengeratkan perpaduan dan hubungan antara kaum melalui pelbagai dasar (Sarjit & Charanjit, 2009). Dasar yang dilaksanakan ini tidak akan berjaya jika warganegara Malaysia tidak mengambil sikap tolak ansur dan mencari titik persamaan antara mereka. Ini adalah bertujuan agar kerukunan hidup dapat dibentuk melalui kesepaduan sosial yang mantap hasil dari kefahaman dan kemahuan yang tinggi.



Integrasi nasional adalah merujuk kepada proses penyatuan dua kumpulan atau beberapa kumpulan yang berbeza kedudukan dan latar belakang. Kamus Dewan (1998) memberikan maksud bahawa integrasi adalah gabungan dua atau beberapa kaum (unsur, bahagian dan lain-lain). Manakala Shamsul Amri Baharuddin (2008) pula mendefinisikan sebagai satu proses bagi mewujudkan satu identiti nasional dalam kalangan kumpulan yang berlainan dan berasingan budaya, sosial dan status dalam unit politik. Integrasi juga merupakan suatu proses penyatuan antara kumpulan manusia yang berbeza latar belakang, status sosial dan budaya untuk membentuk entiti yang mempunyai pegangan norma serta mengamalkan kehidupan bersama (Norati A. Rashid, 2010). Penyatuan yang terbentuk akan mewujudkan perkongsian persefahaman dan pemikiran antara kaum dalam sesebuah negara. Integrasi ini adalah hasil dari ikatan yang mendalam yang wujud dalam diri individu atau ikatan perasaan antara manusia





itu sendiri. Ini merupakan proses kerohanian yang merupakan hasil penghayatan yang melahirkan perkongsian pemikiran dan hati sanubari. Ia juga merentasi perbezaan budaya dan kumpulan kaum yang pelbagai. Integrasi nasional merupakan satu proses penyatuan atau ikatan yang sehati dan berlaku pada tempoh yang lama atau berdekas-dekad (Solahuddin Abdul Hamid et, al., 2019).

Pembentukan Jawatankuasa Integrasi Nasional pada tahun 1991 telah menyatakan bahawa integrasi nasional adalah merujuk kepada satu proses dinamik untuk merapatkan masyarakat negeri-negeri dalam Malaysia yang merangkumi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak (Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, 2016). Ianya adalah bertujuan membentuk satu Bangsa Malaysia yang mempunyai identitinya yang tersendiri berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Ianya juga merupakan usaha untuk merapatkan hubungan masyarakat pelbagai kaum ke arah menyuburkan semangat nasional, rasa kekitaan, kasih sayang dan rasa kebersamaan demi keamanan, kesejahteraan dan keharmonian kaum dalam negara. Melalui proses ini, pemupukan dan penggalakan interaksi sosial dapat melahirkan masyarakat yang saling menerima dan menghargai sosio budaya antara kaum dan dapat merapatkan hubungan antara sesama kaum. Beberapa matlamat telah dirancang untuk proses integrasi nasional antara kaum iaitu:

1. Menggalakan interaksi sosial antara masyarakat pelbagai latar belakang kaum yang tinggal di negeri dan wilayah yang berbeza bagi mengukuh dan memantapkan perpaduan negara dan integrasi nasional.
2. Meningkatkan perasaan kekitaan, kepunyaan dan semangat berkasih sayang dengan memahami dan menjiwai adat resam, budaya dan amalan hidup yang sudah sehati dengan masyarakat tempatan.



3. Meningkatkan pengetahuan, kesefahaman dan kesedaran tentang hak orang lain dan dalam masa yang sama untuk mengikis perasaan prejudis dan persepsi negatif antara masyarakat pelbagai kaum demi memelihara perpaduan kaum dan integrasi nasional.

Keperluan untuk membentuk integrasi nasional ini adalah untuk melahirkan masyarakat yang Bersatu padu dan melahirkan geberasi yang sentiasa berkeadaan baik dalam perhubungan sesama kaum. Perhubungan ini merangkumi pelbagai bidang seperti sosial, ekonomi dan politik. Sikap toleransi antara sesama kaum diperlukan disamping sikap kebersamaan. Keperluan integrasi nasional juga adalah bagi melahirkan masyarakat pelbagai kaum memahami serta merealisasikan tugas atau tanggungjawab sebagai warganegara yang mempunyai jati diri sendiri dalam diri untuk mengukuhkan kesepaduan dan kebersamaan bagi mengekalkan keamanan dan kestabilan negara. Kesemua ini adalah untuk memenuhi impian kerajaan seperti yang terangkum di bawah iaitu:

1. Keamanan dan kedamaian.
2. Kestabilan politik.
3. Kesejahteraan ekonomi.
4. Keseimbangan sosial.
5. Kemodenan dan kemakmuran (Solahuddin Abdul Hamid et, al., 2019).

Integrasi nasional dapat dibina dengan membentuk asasnyanya dulu. Asas ini adalah tapak kepada pembinaan, penubuhan dan pengukuhan sesuatu perkara. Untuk membina integrasi nasional, memerlukan asas-asanya yang tersendiri. Perpaduan adalah berkaitan dengan keselamatan yang boleh menentukan pembangunan dan kemakmuran negara (Ding, 2005). Antara asas-asas tersebut adalah seperti berikut:

1. Pendidikan :

Merupakan nadi kepada sesebuah negara untuk menerapkan ideologi yang mencorakkan kehidupan masyarakatnya. Pendidikan akan melahirkan individu yang menguasai, memahami dan mampu menilai sesuatu agenda yang disampaikan dan diterapkan oleh pihak kerajaan. Pendidikan sesuatu yang penting untuk mencorakkan kefahaman kepada masyarakat yang inginkan kedamaian dan kententeraman dalam negara.

2. Kepercayaan:

Semua agama mengajar penganutnya mengutamakan kedamaian dan kesejahteraan. Justeru, kepercayaan merupakan perkara yang utama dalam kehidupan beragama. Kepercayaan boleh dijadikan sebagai asas kepada integrasi nasional. Suruhan dan larangan agama berkeupayaan mengikat individu agar tidak melakukan sesuatu tindakan di luar batas dan suruhan yang sepatutnya.

3. Bahasa:

Melambangkan jiwa sesuatu bangsa. Perlembagaan Persekutuan Malaysia telah memperuntukkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Kepentingan bahasa Melayu menjadi keutamaan kerajaan untuk memberi penekanan dan kewajipan kepada setiap individu untuk mempelajarinya. Kewajipan ini meluas dan melebar sehingga ke peringkat masyarakat, negeri, negara dan institusi serta badan-badan kerajaan dan juga swasta. Individu yang dapat menguasai dengan baik bahasa kebangsaan, rasa kecintaan, kenegaraan dan kebersamaan akan lahir dalam jiwa setiap individu.

4. Toleransi:

Kehidupan masyarakat akan menjadi harmoni jika sikap toleransi menjadi keutamaan dalam kehidupan. Sikap tolak ansur sesama masyarakat terutamanya pelbagai kaum akan mewujudkan kesatuan dalam masyarakat dan dapat mengelakkan suasana renggang dan terpisah dalam kehidupan mereka. Sikap mengambil peduli hendaklah disemai semenjak di bangku sekolah lagi. Penerapan ini boleh dilakukan melalui aktiviti kokurikulum dan praktis harian. Kepentingan toleransi juga boleh dibentuk melalui keunikan dan kepelbagaian budaya, agama dan bangsa, ia juga berperanan sebagai penanda aras kepada kejayaan negara dalam mengurus hubungan kaum yang mengutamakan aspek toleransi, budi pekerti dan kerjasama.

5. Muafakat:

Prinsip ini perlu ditekankan bagi melahirkan masyarakat yang hidup harmoni dalam kepelbagaian kaum. Apabila sesuatu bangsa yang wujud mampu memahami cara hidup, kepercayaan dan budaya sesuatu kaum, beerti akan wujud suasana hidup yang penuh kasih sayang, muafakat dan bertimbang rasa.

6. Kekitaan:

Untuk melahirkan individu yang wujud dalam dirinya semangat kekitaan atau kesepunyaan, perlulah diwujudkan usaha yang bersungguh-sungguh menyemai tabiat kekitaan sejak dari bangku sekolah hingga ke Menara gading. Sesuatu yang menjadi kebiasaan kepada seseorang dengan dirinya sendiri akan terbawa-bawa dalam kehidupan dirinya, rasa kesepunyaan dalam perkongsian hidup dan lahir rasa kekitaan yang sudah terbiasa dalam diri sendiri. Dengan demikian, ini

akan membuahkan semangat kekitaan di dalam jiwa masyarakat Malaysia, sekali gus integrasi dapat dibina dalam masyarakat pelbagai kaum.

7. Kebudayaan:

Merupakan lambang kepada pengenalan dan kekuatan kaum. Melalui budaya, kesepadua itu dapat dilahirkan kerana setiap orang akan merasa bangga dengan penghormatan dan pengiktirafan orang lain terhadap budaya mereka. Budaya juga dapat membentuk jati diri seseorang dan mencorakkan suasana kehidupan yang saling menghormati dan menyanjung corak kehidupan orang lain. Budaya berperanan memartabatkan sesuatu kaum apabila keunikkan yang ada pada budaya mereka dapat dikomersilkan di peringkat nasional mahupun antarabangsa.

Berdasarkan kepada huraian-huraian di atas, nyata dan jelas bahawa kepentingan integrasi dalam negara dalam membentuk keharmonian antara kaum. Integrasi merupakan suatu proses yang unik dan bersesuaian dengan suasana di mana masyarakat pelbagai kaum berpadu sesama untuk membentuk satu bangsa Malaysia yang terkandung identiti khusus berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan dan rukun negara (Solahuddin Abdul Hamid et, al., 2019). Proses integrasi juga memerlukan usaha dari pelbagai pihak dan tidak seharusnya diserahkan kepada kerajaan semata-mata. Dasar kerajaan perlu disokong oleh badan-badan bukaan kerajaan dan swasta bagi memastikan hubungan kaum sentiasa berada dalam keadaan harmoni (Shamsul Amri Baharuddin, 2012).



1.1.3 Kontrak Sosial

Akibat dari percaturan British ke atas Tanah Melayu; komposisi kaum di Tanah Melayu telah berubah. Percampuran kaum ini menyebabkan kepelbagaian yang timbul. Imigran Cina dan India yang dibawa masuk oleh British secara tidak langsung mentransformasikan Tanah Melayu dalam rupa kepelbagaian kaum.

Bangsa Malaysia mono-kaum yang wujud pada awal sejarah negara Malaysia mengalami transformasi multi-dimensi sehingga bentuk dan sifat asalnya bertukar menjadi sebuah bangsa Malaysia multi-kaum (Lukman Z. Mohamad & Khaidir Haji Ismail, 2003). Kepelbagaian kaum atau multi-kaum ini boleh menimbulkan konflik jika tidak diurus dengan baik.



Hasil campur tangan British ini melalui dasar “pecah dan perintah” telah berjaya mewujudkan polarisasi antara kaum, samada dari segi pembahagian pekerjaan, lokasi penempatan dan keterasingan dari segi budaya antara sesama kaum. Kesan-kesan ini jika tidak dikawal akan menimbulkan fenomena krisis dan konflik antara kaum (Mohd Anuar Ramli & Mohammad Aizat Jamaludin, 2011).

Apabila bumi Tanah Melayu telah menerima kehadiran imigran (Cina dan India) yang dibawa masuk oleh British, suatu perjanjian perlu diadakan antara setiap kaum. Langkah ini bertujuan untuk menjaga keharmonian kaum supaya tidak berlakunya konflik antara satu sama lain. Bertitik tolak dari isu inilah timbulnya perjanjian antara kaum yang dikenali sebagai kontrak sosial.



Kontrak sosial adalah, persetujuan yang dicapai sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Siti Ajar Ikhsan dan Safiah Ahmad (2014) menjelaskan bahawa kontrak sosial seharusnya dianggap sebagai persetujuan kaum. Ini kerana sebelum kemerdekaan lagi, kesepakatan antara kaum ini boleh dibuktikan dengan kemenangan parti Perikatan dalam pilihanraya pada tahun 1955. Tambahnya lagi kesepakatan inilah kontrak sosial yang terjalin antara kaum dan seterusnya membentuk negara Malaysia. Kontrak sosial diadakan adalah bertujuan untuk:

1. Menyelesaikan perbezaan kepentingan diri atau kelompok masing-masing.
2. Memastikan kepentingan majoriti dan minoriti diambil kira tanpa menjejaskan hak dan kepentingan masing-masing.
3. Memastikan persetujuan yang dicapai kekal dan diwarisi turun-temurun kerana persetujuan dianggap memenuhi kepentingan yang berpanjangan.
4. Memastikan setiap pihak yang bersetuju mematuhi dan menyampaikannya kepada generasi seterusnya agar ia tidak bercanggah pada masa depan.

Empat tujuan yang dinyatakan di atas adalah persetujuan yang dicapai oleh ketiga-tiga kaum. Nyata sekali tujuan kontrak sosial diadakan adalah untuk membentuk keharmonian, perpaduan dan keutuhan setiap kaum daripada menimbulkan konflik bahasa sendiri. Isu kandungan kontrak sosial menurut Siti Ajar Ikhsan dan Safiah Ahmad (2014) lagi adalah:

1. Orang Melayu menerima dan mengiktiraf orang Cina dan India sebagai warganegara. (Berasaskan prinsip *Jus Soli*).
2. Orang Cina dan India mengiktiraf 19 bahasa Melayu sebagai 19 bahasa persekutuan.

3. Orang Cina dan India mengiktiraf agama Islam sebagai agama persekutuan.
4. Orang Cina dan India mengiktiraf kedaulatan Raja-Raja Melayu.
5. Orang Cina dan India mengiktiraf hak keistimewaan orang Melayu.



Rajah 1.1.3.1. Kontrak sosial adalah persetujuan yang dicapai oleh pemimpin politik iaitu UMNO, MCA dan MIC yang terdiri dari kaum Melayu, Cina dan India.

Kesemua kandungan kontrak sosial yang tertera di atas, menunjukkan perjanjian yang dimeterai ini merupakan persetujuan antara dua pihak. Pihak pertama kaum Melayu dan keduanya pihak imigran (kaum Cina dan India). Tuntutan melalui perjanjian ini adalah orang Melayu meletakkan empat syarat iaitu bahasa Melayu sebagai bahasa persekutuan, agama Islam sebagai agama persekutuan, kedaulatan Raja-raja Melayu dan hak keistimewaan orang Melayu. Manakala tuntutan dari pihak kaum Cina dan India adalah mengiktiraf mereka sebagai warganegara, berasaskan prinsip *JusSolis*.

Sementara itu, Abd. Manaf Haji Ahmad (2000) mengatakan kesan dari kewujudan kontrak sosial ini ialah wujudnya perlembangan dan kemerdekaan negara.



Ini secara tidak langsung memberi gambaran pada kita bahawa kontrak sosial ini merupakan anak kunci kepada perpaduan dan keharmonian antara kaum di Malaysia. Dengan termeterai perjanjian kontrak sosial ini, keharmonian, perpaduan antara kaum dapat dihindari.

Keharmonian dan kestabilan hubungan antara kaum perlu dititikberatkan supaya tidak berlaku peristiwa-peristiwa ketegangan kaum seperti yang pernah berlaku sebelum ini.

1.2 Pernyataan Isu

Kepelbagaian kaum yang ada di Malaysia secara tidak langsung memberikan kesan terhadap persekitaran kehidupan masyarakat majmuk di Malaysia. Persekitaran ini secara tidak langsung menimbulkan kepelbagaian konflik dalam hidup bermasyarakat samada dari segi politik, ekonomi, budaya, pemikiran, pendidikan dan sebagainya. Kepelbagaian kaum yang ada boleh menimbulkan ketegangan antara satu sama lain, kecuali isu ini difahami dan diurus dengan baik supaya perpaduan antara kaum dapat diharmonikan.

Mior Khairul Azrin Mior Jamaluddin (2011) mengatakan perbezaan antara kaum telah melahirkan amalan diskriminasi dan boleh mencetuskan keganasan antara kaum. Dengan mengambil contoh beberapa peristiwa yang berlaku diluar negara seumpamanya di Negara Bosnia, Rwanda, Ambon dan Maluku di Indonesia. Dalam konteks negara Malaysia, insiden seperti 13 Mei 1969, Kampung Medan dan





sebagainya adalah salah satu dari bentuk ketidakstabilan hubungan antara kaum yang pernah terjadi di Malaysia.

Ini adalah sebahagian rentetan insiden yang pernah berlaku pada masa lalu. Sejarah telah merakam dan menjadi saksi bahawa hubungan antara kaum merupakan perkara yang penting untuk menjaga kestabilan dan keharmonian negara yang memiliki masyarakat yang berbilang kaum. Berdasarkan pernyataan di atas, kajian ini menekankan kepada isu berkenaan integrasi nasional berteraskan kontrak sosial yang wujud sebelum proses kemerdekaan Malaysia lagi.

Memetik hasil kajian yang dilakukan oleh Nazri Muslim (2012), antara punca berlakunya kesan terhadap hubungan kaum di Malaysia adalah dua faktor, iaitu berkaitan dengan Islam dan orang Melayu. Tambahnya lagi, faktor seperti peranan media massa dalam mensensasikan isu melibatkan perkara seperti kedudukan istimewa orang Melayu dan Islam telah menyebabkan semangat tolak ansur dan kesefahaman antara kaum dan rakyat telah luntur.

Kepelbagaian dan hubungan sesama kaum di Malaysia dalam keadaan yang harmoni dan bersatu, walaupun mengikut sejarahnya pernah berlaku pertembungan sesama kaum. Langkah kerajaan sebagai contoh melaksanakan program Tabika Perpaduan (taman bimbingan kanak-kanak) yang telah diperkenalkan pada tahun 1976 di bawah Rancangan Perhubungan Masyarakat merupakan suatu langkah untuk membentuk perpaduan dikalangan kaum di Malaysia. Objektif penubuhan Tabika Perpaduan ini antara lain adalah untuk mereka menghayati nilai-nilai perpaduan, hidup bermasyarakat persediaan ke alam persekolahan. (Portal Jabatan Perpaduan Negara dan





Integrasi Nasional).

Sementara itu Mujibu Abdul Muis (2016) menyifatkan hubungan kaum di Malaysia hanyalah bersifat *camouflage & cosmetic* (penyamaran & kosmetik). Ini kerana dari sifat luaran gambaran hubungan kaum di Malaysia adalah harmoni. Sebaliknya penuh dengan perasaan marah, kecewa, tidak puas hati dan saling benci membenci. Akibat dari perasaan dalaman yang wujud ini, berlakunya dikotomi antara kaum dan memberi kesan kedalam kehidupan seharian termasuklah dari aspek aspek sosio-ekonomi dan sosio-politik di Malaysia.

Dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia, setiap kaum boleh dikenalpasti melalui beberapa faktor seperti agama, budaya, bahasa, dan sebagainya. Dalam isu perpaduan melibatkan pelbagai kaum ini, perbezaan seperti yang dinyatakan boleh dijadikan sebagai subjek rujukan (subject matter) kepada pengkaji untuk menyatakan konsep integrasi berteraskan kontrak sosial di Malaysia di dalam penghasilan karya seni visual.

Isu integrasi nasional di kalangan masyarakat majmuk sentiasa menjadi perbincangan pada sebilangan pakar dan ahli akademik yang merentasi bidang sejarah, sains sosial dan politik. Pengkajian yang dijalankan berkisarkan kepada isu-isu dalam perhubungan kaum, perpaduan, patriotik dan kenegaraan yang boleh dilihat seperti dalam penulisan Shamsul Amri Baharuddin (2006, 2009, 2011, 2012 & 2014), Nazri Muslim (2012a, 2012b & 2020), Mujibu Abdul Muis (2009 & 2016), Abdul Aziz Bari (2001, 2005 & 2016) dan Ramlah Adam (1993 & 1998). Namun begitu, terdapat juga artis seni visual yang mengaplikasikan isu-isu ini seperti karya-karya Mohd Redza bin





Piyadasa (Just about May13, 1970) berkisar peristiwa berdarah 13 Mei 1969, Ibrahim bin Hussein (May13th, 1969) juga berkisar peristiwa 13 Mei 1969, Lee Kian Seng (Unity, 1969-1970) berkisar semangat perpaduan antara kaum dan isu 13 Mei 1969, Noor Azizan Rahman bin Paiman (Social Contract, 2009) cuba membawa isu tentang perhubungan kaum dan kebebasan bersuara, Symran Gill (Small Town at the Turn of The Century, 1999-2000) Muhammad Salehuddin (Village Shopping, 1959) berkenaan jati diri dan identiti, Sulaiman bin Esa (One God Many Path, 2018) berkisar perpaduan dan identiti melalui kepelbagaian agama dan Zulkifli Yusoff (Rukunegara 1: Belief in God, 2013 & Rukunegara 2: Voice 1, 2013) yang membawa isu kenegaraan, perlembagaan dan sejarah lampau Malaysia.

Beza dengan pengkajian ini; merupakan analisis dan eksplorasi tentang proses-proses berlakunya integrasi kaum di Malaysia menerusi fenomena bermula dari sejarah awal kemasukkan kaum lain ke Tanah Melayu iaitu sebelum kemerdekaan sehinggalah hubungan integrasi kaum pada era pasca kemerdekaan. Pengkajian lebih mendalam dilakukan ke atas isu-isu yang merentasi hubungan kaum yang menyentuh dari aspek pengenalan perhubungan kaum, dasar pecah dan perintah British, perpaduan, kebebasan bersuara, pendidikan, hak sama rata dan perlembagaan. Isu-isu yang berlegar ini di sampaikan dan diterjemahkan melalui penghasilan karya seni yang dihasilkan berbeza dari pengkajian sebelum ini.



1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah seperti berikut:

- i) Menganalisis fasa-fasa hubungan integrasi nasional antara kaum menerusi sejarah pembentukan masyarakat majmuk di Malaysia.
- ii) Menganalisis hubungan integrasi nasional yang terbentuk dalam setiap fasa hubungan integrasi antara kaum di Malaysia.
- iii) Mengenal pasti bentuk intipati integrasi nasional dalam fasa kesepaduan sosial di Malaysia.

Terdapat empat persoalan kajian yang menjadi teras di dalam kajian ini iaitu:

- i) Bagaimanakah bentuk fasa-fasa hubungan integrasi nasional antara kaum menerusi sejarah pembentukan masyarakat majmuk di Malaysia?
- ii) Bagaimanakah corak-corak hubungan integrasi nasional yang terbentuk dalam setiap fasa hubungan integrasi antara kaum di Malaysia?
- iii) Bagaimana bentuk intipati integrasi nasional dalam fasa kesepaduan sosial di Malaysia?



1.5 Garis Panduan Projek

Tujuan pengkajian ini adalah untuk menghasilkan karya-karya seni visual yang bertemakan dari isu ‘Integrasi Nasional’ menerusi kajian berdasarkan fasa-fasa hubungan integrasi antara kaum di Malaysia. Setiap fasa-fasa hubungan integrasi ini dipecahkan kepada tema-tema kecil yang melibatkan isu sejarah kemasukkan kumpulan kaum-kaum lain, isu-isu yang merentasi kaum atau ketegangan kaum dan yang terakhir adalah isu berkenaan kesepaduan sosial yang merupakan intipati keseluruhan pengkajian bertemakan isu ‘Integrasi Nasional’.

Pengkajian ini memfokuskan kepada isu integrasi nasional berteraskan kontrak sosial kerana isu ini sentiasa menjadi topik panas di Malaysia. Sejak dari termeterainya kontrak sosial sebelum kemerdekaan negara sehinggalah sekarang pelbagai peristiwa-peristiwa pertelingkahan antara kaum pernah terjadi. Perkara yang terjadi ini bukanlah suatu yang positif kerana, tujuan dan matlamat sosial kontrak adalah untuk keharmonian dan penyatuan antara kaum di Malaysia.

Pengkajian ini hanya memfokuskan kepada tiga kaum utama di Malaysia yang merangkumi kaum Melayu, Cina dan India. Pemilihan tiga kumpulan kaum ini adalah kerana mewakili kaum majoriti yang terdapat di Malaysia. Pengkajian studio seni halus ini juga dijalankan dengan menghasilkan karya seni berdasarkan kepada isu sosial kontrak dan perhubungan antara kumpulan etnik sejak dari zaman penjajahan sehingga sekarang.



Pengkajian studio ini dilakukan melalui beberapa pendekatan persembahan yang terdiri dari instalasi, 2 dimensi dan arca 3 dimensi. Subjek yang merentasi isu integrasi nasional menjadi keutamaan dalam penghasilan karya-karya seni. Bahantara yang digunakan dalam karya-karya seni ini terdiri daripada pelbagai media seperti kayu, dokumen lama, tanah dan objek jumpaan (found object).

Elemen-elemen dari hubungan integrasi antara kaum ini disesuaikan dengan konteks pemilihan bahantara yang berperanan untuk memberikan justifikasi berkenaan isu yang dikaji. Elemen lain yang digunakan dalam penghasilan karya ini menggunakan kaedah kolaj dan elemen penceritaan perihal kaum melalui pendekatan menterjemahkan puisi kepada karya visual. Antara lain, kaedah kolaj tulisan jawi yang digunakan sebagai simbol kepada orang Melayu dengan digabungkan dengan tulisan Cina. Pendekatan ini dilakukan untuk memberi suatu tanda kaum itu dipersembahkan dalam bentuk bahasa dan tulisan.

Elemen integrasi nasional dianalisis melalui isu-isu perkauman yang berlaku dan visualisasikan melalui penghasilan karya dengan menggunakan imej, simbol dan konteks perhubungan antara kaum. Imej Mahkamah, keranda, tulisan jawi, rehal, 'first aid' dan lagu 'negaraku' merupakan elemen yang berkait dengan suasana percampuran hubungan kaum yang penuh ragam dari bersifat harmoni mahupun ketegangan kaum.

Kajian ini terbahagi kepada tiga fasa iaitu:

- Fasa 1: menilai fenomena memasukkan kaum lain ke Tanah Melayu yang berkaitan dengan sejarah awal hubungan kaum di Malaysia melalui polisi dan



dasar British ketika itu, melibatkan karya instalasi berteraskan konsep isolasi yang dilakukan oleh British ke atas setiap kaum melalui dasar pecah dan perintah.

- Fasa 2: menilai fenomena hubungan kaum dan isu-isu yang merentasi kaum melalui isu ketegangan kaum melalui isu kuasa, perlembagaan dan pendidikan.
- Fasa 3: menilai fenomena hasil dari intipati integrasi dan perpaduan kaum berteraskan perlembagaan sebagai konsep tiang seri yang menggunakan bahantara papan rumah Melayu sebagai simbol teras utama kepada perpaduan rakyat antara kaum di Malaysia.

1.6 Skop Kajian

Pengkajian ini adalah berdasarkan kepada isu integrasi nasional berteraskan kontrak sosial. Fokus kajian adalah melihat kepada fasa-fasa hubungan antara kaum di Malaysia yang membawa kepada terbentuknya kontrak sosial melalui pembentukan perlembagaan Malaysia selepas berlakunya persetujuan antara kaum.

Pengkajian ini adalah berdasarkan kepada senario hubungan antara kaum dalam membentuk integrasi kaum di Malaysia. Proses hubungan kaum berteraskan kepada integrasi ini adalah merupakan kontrak sosial yang dibina berdasarkan kepada perkembangan fasa-fasa hubungan integrasi kaum. Pertama, sejarah Tanah Melayu dan senario terbentuknya masyarakat majmuk pada era penjajahan dengan memasukkan kaum lain ke Tanah Melayu. Kedua, senario hubungan integrasi kaum melalui isu-isu yang merentasi kaum dan ketegangan kaum. Ketiga, senario kesepaduan sosial



masyarakat majmuk pasca kemerdekaan dalam aspek perpaduan kaum untuk memupuk keharmonian negara. Kesepaduan ini tercapai melalui kontrak sosial yang dipersetujui oleh kesemua kaum. Kontrak sosial atau persetujuan kesemua kaum berpaksikan kepada empat perkara iaitu, Islam, Kedudukan Istimewa Orang-orang Melayu, Bahasa dan Istiadat Beraja. Keempat-empat perkara ini merupakan unsur-unsur tradisi atau tempatan yang dikekalkan dan tertulis dalam perlembagaan negara melalui Suruhanjaya Reid.

Penyelidikan ini tiada kaitan dengan kajian yang dilakukan oleh penyelidik dalam bidang sains sosial lain, walaupun tema atau isu yang dibawa adalah sama. Kajian ini melibatkan kepada penghasilan karya seni berteraskan isu hubungan kaum iaitu melibatkan integrasi nasional dan kontrak sosial di Malaysia. Kajian ini juga tidak menyentuh manifesto sesuatu pertubuhan parti politik samada kerajaan mahupun pembangkang serta tidak membincangkan pandangan-pandangan ahli-ahli politik berkenaan perpaduan di Malaysia. Selain itu, kajian ini juga tidak menyentuh isu-isu yang boleh membangkitkan ketidakstabilan dan keharmonian kaum di negara ini.

1.7 Signifikan Kajian

Penyelidikan ini penting dalam menyumbang kefahaman masyarakat terhadap hubungan integrasi nasional berteraskan kepada kontrak sosial. Hubungan integrasi ini boleh dicapai dengan menilai fasa-fasa hubungan integrasi bermula dari sejarah penubuhan negara dan memasukkan kaum Cina serta India ke tanah Melayu, isu-isu





yang merentasi kaum serta ketegangan kaum dan kesepaduan sosial masyarakat majmuk bagi menggambarkan hubungan integrasi antara kaum di Malaysia sekarang.

Projek penyelidikan ini menekankan aspek integrasi nasional berteraskan kontrak sosial masyarakat majmuk di Malaysia yang terdiri dari tiga kaum utama iaitu kaum Melayu, Cina dan India. Analisis yang mendalam ke atas hubungan integrasi nasional dan kontrak sosial dilakukan menerusi aspek pemisahan kaum, konflik kaum dan keharmonian dan perpaduan kaum. Kesemua aspek ini merupakan elemen utama fasa-fasa hubungan integrasi kaum yang berlaku di Malaysia.

Penyelidikan ini merupakan satu eksplorasi dari sudut teknik yang berkaitan dengan penghasilan komposisi bentuk instalasi dan arca, penggunaan objek bersifat *ready-made*, membina ekspresi emosi atau 'mood' pengunjung dan membina interaksi pengunjung dengan karya. Projek penyelidikan ini mempengaruhi perubahan artistik ciptaan karya rekaan saya sendiri menerusi penghasilan komposisi tiga dimensi dan interaksi pengunjung. Dua dapatan ini merangkumi konsep 'composition' dan 'movement'. Kedua-dua konsep ini merupakan kaedah dan penerokaan baru yang mampu menjadi rujukan kepada penggiat seni arca yang ingin meneruskan kajian dalam bidang yang sama. Projek penyelidikan ini juga merupakan inovasi bagi menambah kepelbagaian teknik dan dapat memberi sumbangan pada bidang seni halus terutamanya seni arca yang terdiri dari enam pendekatan berbeza melibatkan estetik dan bentuk persembahan karya dalam menyampaikan mesej integrasi nasional berteraskan kontrak sosial.






1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Sullivan (2006) menamakan aktiviti pengkajian yang berasaskan kepada amalan kreatif dan berteraskan kerja studio adalah sebagai ‘practice-based research’. Pendekatan yang diguna pakai adalah kepada menyumbang ilmu pengetahuan ke atas bidang kreatif. Menurutnya lagi, kaedah ini melibatkan kajian ke atas imej visual dan bentuk kesenian sebagai medium utama dalam penerokaan pengkajian. Marshall (2007) pula, berpendapat bahawa pengkajian berteraskan praktis studio bukan sahaja pada penjanaan maklumat baharu tetapi bagaimana maklumat ditafsirkan semula untuk mengubah persepsi, cara pandang dan mentafsir sesuatu transformasi ke arah pembaharuan.

Rajah 1.8.1, menerangkan kerangka konseptual yang dibangunkan berdasarkan kepada dua aspek utama iaitu: 1) Pengkajian kontekstual dan 2) Metodologi dan analisis.





Rajah 1.8.1. Kerangka konseptual kajian.



Pengkajian kontekstual dalam kerangka konseptual kajian dalam rajah 1.8.1 di atas adalah merujuk kepada pembentukan integrasi nasional yang membentuk pembinaan kontrak sosial berdasarkan kepada hubungan kaum yang terdapat di Malaysia. Proses integrasi nasional ini adalah berteraskan kepada teori hubungan kaum dan patriotik berperlembagaan yang dipecahkan kepada beberapa tema/isu kecil iaitu:

1. Pengenalan/sejarah kemasukan kaum lain
2. Isu yang merentasi kaum/ketegangan kaum
3. Kesepaduan sosial/intipati

Dari sudut metodologi dan analisis pula, adalah merujuk kepada proses dari segi aspek pengkajian studio seni halus. Melalui proses ini, pengkajian akan dibincangkan serta dianalisis berdasarkan kepada tiga aspek utama iaitu: kaedah refleksi kritikal sendiri (Critical self-reflection) yang menekankan penggunaan pendekatan Feldman yang terkandung dalam Method of Art Criticism (1994). Aspek kedua, berdasarkan kepada beberapa siri eksperimentasi studio berpaksikan kepada konteks pengkajian yang dijalankan. Aspek ketiga pula, adalah menyentuh kepada ulasan kontekstual yang melibatkan sesi kritik antara pengkaji dengan rakan-rakan artis dan ahli akademik untuk mendapatkan pandangan umum yang berkaitan dengan hasil kerja dan pandangan serta cadangan atau idea-idea baharu yang boleh digunakan sebagai penambahbaikan dalam proses penghasilan karya seni.

1.9 Karya-karya Terdahulu

Berikut adalah karya-karya terdahulu yang dihasilkan oleh pengkaji beberapa tahun sebelum ini. Karya-karya ini dihasilkan dan dipamerkan di dalam beberapa pameran



yang pernah di Malaysia dan melibatkan lima buah karya yang dihasilkan dari tahun 2009 hingga 2016.

Karya-karya yang dihasilkan ini kebanyakan adalah bertemakan sosial kritik, dimana pengkaji banyak menggunakan isu-isu komentar sosial iaitu politik semasa (kontemporari). Karya-karya politik ini tidak lari dari isu perebutan kuasa dan isu-isu antara kaum (pemimpin politik kaum) berkenaan isu perlembagaan Malaysia; isu ketegangan antara kaum iaitu perkara-perkara sensitif dalam masyarakat berbilang kaum.



Rajah 1.9.1. Mohd Farizal Puadi. 'Hadiah Untukmu...', 2009. Bahantara kaca, seramik, riben dan getah anti licin. Saiz 30cm x 30cm x 61cm. Koleksi pelukis.

Rajah 1.9.1 merupakan sebuah arca yang telah di pameran di Pameran Ilham bertempat di MIDF (Malaysian Industrial Development Finance Berhad) Kuala Lumpur. Karya ini diberi tajuk; Hadiah Untukmu... dan dihasilkan pada tahun 2009. Pengkaji menghasilkan karya ini berlatar belakangkan sosial komentar terhadap isu peperangan yang berlaku di Palestin dan terus berlaku sehingga sekarang.

Sebagai orang Islam, pengkaji merasakan satu tanggungjawab untuk memberi respon terhadap kekejaman yang dilakukan oleh Israel terhadap rakyat Palestin. Jika diteliti karya ini dipersembahkan dalam bentuk ‘kotak hadiah’.

Dalam kotak hadiah ini (kotak kaca) terdapat sebutir peluru yang dibentuk menggunakan seramik yang memberi konotasi makna yang berlawanan dengan maksud ‘hadiah’ yang diterima. Ini membentuk polemik terhadap makna yang cuba disampaikan dan berbentuk antitesis.

‘Hadiah untukmu...’ seolah-olah satu parodi atau bersifat sinikal kepada kekejaman Israel terutamanya rejim zionis kerana apa yang berlaku di Palestin sekarang diibaratkan sebagai ‘balasan atau hadiah’ yang diterima oleh orang-orang di Palestin kerana mempertahankan tanah air mereka.



Rajah 1.9.2. Mohd Farizal Puadi. ‘Don’t Touch’, 2010. Bahantara kaca, kerusi, fabrik dan kayu. Saiz 152.5 cm x 152.5 cm x 172 cm. Koleksi pelukis.

Rajah 1.9.2 bagi karya dua di atas adalah sebuah karya yang di hasilkan sempena Pertandingan Bakat Muda Sezaman (BMS) pada tahun 2010 yang bertempat



di Balai Seni Lukis Negara (sekarang Balai Seni Negara atau BSN). Karya ini mengetengahkan isu sosial komentar berkisar tentang perebutan kuasa politik. Pada ketika ini pengkaji sangat berminat isu-isu politik yang melanda negara akibat tsunami yang politik yang membadai negara kita.

Karya ini yang diberi tajuk *Don't Touch* adalah kerana pengkaji cuba menghubungkan makna ini dengan penampilan rupa karya 3 Dimensi pengkaji. Karya ini sebenarnya merupakan sambungan dari karya satu (rujuk gambar satu).

Karya ini dipersembahkan dalam bentuk kiub-kiub kaca yang bersaiz 10 cm x 20 cm x 10 cm. Setiap kotak-kotak kaca ini terisi dengan potongan-potongan kecil kerusi yang di analogikan sebagai Kuasa. Analogi Kuasa ini adalah berdasarkan kepada konteks perebutan kerusi yang boleh kita dapati ketika berlakunya pilihanraya umum setiap lima tahun sekali.

Setiap kotak kaca yang terisi dengan cebisan kerusi ini disusun bertingkat-tingkat sehinggalah membentuk sebuah kerusi yang tersergam gah di atas *pedestal* kayu. Apa yang menarik dalam karya ini adalah karya ini tidak bersifat kekal pada posisinya. Ini kerana setiap kotak kaca ini boleh disusun dengan pelbagai format dan membentuk objek-objek lain dan bersesuaian dengan konsep interaktif yang cuba pengkaji ketengahkan pada pengunjung untuk berinteraksi dan sekarang telah menjadi koleksi Balai Seni Visual Negara (BSVN).





Rajah 1.9.3. Mohd Farizal Puadi. Perkara 11 (1), 2012. Bahantara kaca dan kayu. Saiz 43.1cm x 30.4 cm x 30.4cm. Koleksi pelukis.

Karya di atas adalah karya yang di beri tajuk Perkara 11 (1). Karya ini merupakan rentetan dari karya sebelum ini yang telah di pameran dalam Pameran ‘Songsang’ berkumpul di Galeri Chandan Kuala Lumpur pada tahun 2012.

Karya ini dihasilkan berteraskan isu-isu komentar yang ingin disampaikan oleh pengkaji. Isu yang cuba dibawa adalah berkenaan dengan perlembagaan Malaysia berkenaan dengan Agama Islam sebagai agama rasmi bagi negara Malaysia. Isu-isu yang cuba dimainkan oleh pihak-pihak tertentu seperti mempersoalkan agama Islam sebagai agama rasmi negara. Pengkaji merasakan ada suara-suara yang cuba memainkan isu atau sentimen agama untuk menggugat perlembangan negara.

Sebagai orang Islam sudah tentu pengkaji tidak bersetuju dengan sesetengah kelompok yang mengatakan Malaysia bukan sebuah negara Islam. Ini kerana menurut mereka sistem perlembagaan Malaysia adalah bersifat sekular.

Hasil dari isu yang dimainkan ini; maka terhasillah sebuah karya seperti rajah 1.9.3 di atas yang menunjukkan refleksi pengkaji ke atas isu ini. Pengkaji menggunakan rehal sebagai simbol Islam yang sangat sinonim dengan masyarakat Melayu dulu mahupun sekarang menggunakannya untuk belajar muqaddam dan Al-Quran.

Format karya ini masih lagi diteruskan seperti sebelum ini. Iaitu menggunakan kotak kaca sebagai elemen utama dalam penghasilannya. Walau bagaimanapun pengkaji menggunakan pendekatan berbeza dari karya sebelum ini dengan mengecilkan saiz kotak kaca untuk disesuaikan dengan saiz rehal.

Pada pengkaji, saiz yang kecil ini lebih mencabar dari aspek teknikal dan sesuai dengan saiz rehal sekaligus mempunyai impak yang tersendiri walaupun tidak bersaiz besar.



Rajah 1.9.4. Mohd Farizal Puadi. Kabinet Meja Solek, 2013. Bahantara kayu, kaca dan meja solek. Saiz 12' x 1' x 8' (366cm x 30cm x 244cm). Koleksi pelukis.


Rajah di atas adalah karya yang telah dihasilkan pada tahun 2013 sempena pertandingan Bakat Muda Sezaman (BMS). Karya ini telah memenangi hadiah kecil

(minor award) pada tahun tersebut dan dihasilkan hasil dari pengamatan pengkaji berkenaan isu ketika itu.

Tahun 2013 merupakan tahun dimana selepas berlakunya pilihanraya umum yang ke 13 dan suasana ketika itu hangat mengenai isu pembentukan kabinet dalam dewan negara. Bertitik tolak dari Isu-isu politik ketika itulah yang memberikan satu idea kepada pengkaji untuk mengetengahkan komentar sosial melalui karya seni di dalam pertandingan BMS pada tahun 2013.

Pengkaji menggunakan objek meja solek yang dihasilkan pada tahun 70-an sebagai subjek utama dalam penghasilan karya ini. Karya ini dihasilkan dan mempunyai elemen yang sama seperti karya sebelum ini. jika diteliti, karya kotak kaca sebelum ini digantikan dengan masih mengekalkan konsep yang sama iaitu, meja solek dipotong sikit tetapi dalam skala yang besar.

Karya ini dihasilkan dengan mengekalkan konsep interaktif; dimana pengunjung boleh membuka dan bermain dengan kotak-kotak ini untuk melihat kesan potongan meja solek kepada tiga bahagian utama. Bahan utama dalam karya ini adalah kayu dank aca yang mempunyai ketinggian 6 kaki tinggi dan lebarnya 3 kaki setengah. Karya ini sekarang menjadi koleksi Balai Seni Negara (BSN).



Rajah 1.9.5. Mohd Farizal Puadi. *Ultra-Man*, 2016. Bahantara kaca, fabrik dan kayu. Saiz 274.5 cm x 91.5 cm. Koleksi pelukis.

Karya lima dalam rajah 1.9.5 di atas adalah antara karya 3 dimensi yang dihasilkan pada tahun 2016-2017. Karya ini seperti karya terdahulu merupakan karya yang dihasilkan sempena pertandingan Bakat Muda Sezaman (BMS).

Edisi BMS 2016 ini, pengkaji masih menumpukan ke arah sosial komentar yang mengupas berkenaan isu kepimpinan. Isu ini berkisar isu politik yang memang tidak dapat dinafikan mempunyai signifikan dan konteksnya tersendiri bagi pengkaji.

Karya *Ultra-Man* ini menggunakan simbolik karekter Ultraman dalam pembinaan karya ini. Karektor Ultraman ini memberikan satu idea untuk pengkaji mengaitkan dengan isu kepimpinan negara. Perkataan Ultraman itu sendiri boleh memberi kepelbagaian perspektif dalam membentuk makna yang tersendiri jika di hubungkait dengan pemimpin.

Kesimpulannya, kelima-lima karya rujukan yang telah dibentangkan dia atas adalah karya seni yang dihasilkan yang bersifat 3 dimensi. Karya-karya yang dihasilkan



ini merupakan karya seni yang dihasilkan dari tahun 2009 hingga 2016. Elemen utama dalam penghasilan karya-karya seni ini adalah bersifat 3 dimensi, iaitu penggunaan bahantara kotak kaca, bersifat interaktif dan penggunaan objek tunggal. Kebanyakan karya yang dihasilkan lebih berpaksikan kepada isu komentar sosial yang berfokuskan kepada isu politik semasa.

1.10 Perkembangan Projek Kajian

Penghasilan karya dalam pengkajian ini memfokuskan mengenai integrasi nasional yang berteraskan kontrak sosial. Penghasilan karya difokuskan pada konteks fasa-fasa hubungan integrasi antara kaum yang ada di Malaysia yang dipecahkan kepada tiga fasa. Sebanyak enam buah karya seni dihasilkan dan setiap karya yang dihasilkan pada setiap fasa dan penekanan yang berbeza dalam menjawab persoalan kajian.

Tema-tema utama yang diberikan penekanan dalam pengkajian ini adalah merangkumi aspek; pertama adalah pengenalan atau sejarah kemasukkan kaum-kaum lain ke Tanah Melayu semasa pendudukan British dengan memperkenalkan dasar yang dikenali sebagai dasar Pecah dan Perintah. Tema ini digunakan sebagai penerokaan kajian dalam pengkajian. Aspek kedua, pengkajian ini melihat dari isu-isu yang merentasi kaum iaitu melibatkan isu-isu ketegangan kaum. Tema ini merangkumi perlembagaan negara, kuasa dan Bahasa. Aspek ketiga pula dalam pengkajian ini melibatkan tema kesepaduan sosial dalam integrasi nasional berdasarkan kepada konsep kepatuhan rakyat terhadap perlembagaan negara. Ini merupakan intipati kepada integrasi nasional yang berteraskan kontrak sosial (perlembagaan negara).





Keseluruhan karya dari pengkajian ini telah dijalankan dengan menggunakan pendekatan pelbagai disiplin iaitu instalasi media campuran. Kesemua karya yang dihasilkan ini mengambil kira aspek-aspek teknikal melibatkan kepada pemasangan dan penggunaan media campuran yang bersesuaian pada setiap fasa kajian. Terdapat juga penggunaan media atau teknik kolaj dengan menggabungkan elemen objek jumpaan (found object) seperti dokumen-dokumen lama; sijil pendaftaran warganegara kaum asing yang datang ke Tanah Melayu. Pemilihan pelbagai media campuran ini adalah berteraskan kepada analisis yang dilakukan berdasarkan isu dan tema kajian dijalankan.

Pada fasa pertama, pengkaji mengkaji persoalan bagaimana penghijrahan kaum dari negara lain dibawa masuk dan kenapa British menggunakan kaum-kaum ini sebagai buruh di tanah jajahan. Persoalan ini juga membawa kepada analisa British menggunakan dasar pecah dan perintah sebagai suatu cara awal untuk mengawal konflik antara kaum dan merupakan sejarah terbentuknya masyarakat majmuk di Tanah Melayu ketika itu. Dasar pecah dan perintah ini dilakukan dengan mengasingkan setiap kaum utama Melayu, Cina dan India di penempatan yang telah ditetapkan.

Pada fasa kedua, pengkaji memberikan tumpuan kepada isu-isu yang merentasi kaum iaitu isu-isu yang dialami oleh kaum Melayu, Cina dan India. Isu-isu ini merupakan proses kearah proses integrasi nasional yang berlaku ketika mana Malaysia masih berada pada peringkat awal selepas kemerdekaan dan ke arah untuk mencapai keharmonian antara kaum. Kunci kepada perpaduan negara adalah terletak kepada keharmonian antara kaum.





Manakala pada fasa ketiga, kajian adalah melibatkan kepada perlembagaan negara yang merupakan persetujuan yang diterima oleh semua kaum semasa perlembagaan dirancang. Persetujuan yang diraih ini adalah merupakan intipati kepada hubungan integrasi kaum yang dinamakan sebagai kontrak sosial. Karya kesebelas ini merupakan sebuah arca yang diperbuat daripada bahan berupa papan (kayu). Papan ini dibentuk seperti tugu. Karya ini diberikan nama tiang seri kerana konteks perlembagaan itu sendiri merupakan tiang seri kepada negara Malaysia. Bahantara papan (kayu) yang digunakan merupakan tinggalan rumah tradisional Melayu yang digunakan balik dalam menghasilkan karya arca ini. Pembentukan perlembagaan negara yang dirancang adalah berlandaskan kepada elemen tradisi. Elemen tradisi ini merangkumi hak-hak istimewa orang Melayu seperti agama, bahasa, dan kedudukan raja-raja Melayu hasil dari tawar-menawar antara orang Melayu dan bukan Melayu dalam pembentukan perlembagaan. Keempat-empat elemen utama hasil dari tawar-menawar inilah merupakan intipati dalam integrasi kaum berteraskan kontrak sosial. Karya Tiang Seri ini juga merupakan arca yang berteraskan kepada keempat-empat elemen tadi dengan menggunakan konteks bahantara kayu (rumah tradisional Melayu) untuk menggambarkan bahawa negara Malaysia merupakan sebuah negara yang empunya tuan tanah iaitu tuan asalnya adalah kepunyaan Orang Melayu.

Kesimpulannya, penghasilan karya dalam kajian ini adalah merupakan pemerhatian terhadap hubungan integrasi antara kaum yang berteraskan kontrak sosial. menerusi pengkajian ini, hubungan integrasi antara kaum dipecahkan kepada tiga fasa. Fasa pertama adalah melihat kepada sejarah penghijrahan kaum-kaum lain ke Tanah Melayu yang bertunjangkan kepada fakta sejarah. Karya-karya dalam fasa ini merujuk kepada sejarah awal memasukkan kaum-kaum lain yang memberikan kesan kepada





pembentukan masyarakat majmuk di Malaysia. Pengkaji melihat dari konteks dasar Pecah dan Perintah yang diperkenalkan oleh British ketika zaman penjajahan dahulu. Program isolasi dari dasar ini menyebabkan hubungan antara kaum pada peringkat awal tidak berlaku kerana terhalang dari dasar ini. Tujuan asal dasar ini dilaksanakan adalah untuk menghalang terjadinya rusuhan kaum dan menghalang dari pembentukan pakatan antara kaum dan pemberontakkan ke atas pihak british. Karya yang dihasilkan pada fasa kedua adalah pemerhatian pengkaji ke atas isu-isu yang berlaku semasa proses integrasi antara kaum yang merangkumi isu orang Melayu, semangat patriotik, perebutan kuasa, perundangan negara, pendidikan dan perkara dalam perlembagaan. Kesemua isu ini diterjemahkan melalui penghasilan karya yang terdiri dari pelbagai dimensi. Setiap karya yang dihasil merupakan suatu rakaman peristiwa sejarah yang berlaku semasa proses hubungan integrasi nasional antara kaum. Karya pada fasa ketiga pula, adalah berdasarkan kepada pemerhatian pengkaji ke atas intipati integrasi nasional. Hubungan integrasi nasional berlaku adalah kerana kontrak sosial yang jelas adalah hasil dari proses pembentukan perlembagaan negara. Empat elemen tradisi dikekalkan dalam perlembagaan yang secara tidak langsung merupakan pengakuan orang bukan Melayu terhadap hak-hak orang Melayu. Intipati inilah yang dikatakan sebagai kontrak sosial yang dicadangkan dengan penghasilan sebuah karya arca menggunakan bahantara tradisi iaitu papan rumah orang Melayu.

